

## SOALAN-SOALAN LAZIM

### SEBELUM MULA PENGAJIAN

- 1. APAKAH TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL SELEPAS TAKLIMAT?**  
Mulakan proses permohonan pengajian kepada universiti berdasarkan tawaran dan senarai yang telah dikeluarkan oleh JPA. Surat tawaran (*unconditional*) daripada universiti berkenaan hendaklah diperolehi selewat-lewatnya sebulan sebelum tarikh memulakan pengajian sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam surat tawaran.
- 2. BOLEHKAH SAYA MENUKAR MOD PENGAJIAN PADA BILA-BILA MASA JIKA SAYA BERHASRAT SEDEMIKIAN?**  
Anda **TIDAK DIBENARKAN** untuk menukar mod pengajian sama ada sebelum atau semasa pengajian. Mod pengajian adalah berdasarkan permohonan yang telah anda kemukakan semasa permohonan HLP / CBBPTB.
- 3. BOLEHKAH SAYA MEMOHON KEPADA 1 UNIVERSITI SAHAJA?**  
Boleh dengan syarat anda telah mendapat tempat di universiti berkenaan dan menerima surat tawaran pengajian (*unconditional*) daripada universiti tersebut. Walau bagaimanapun, anda adalah dinasihatkan untuk memohon kepada sekurang-kurangnya tiga (3) universiti berdasarkan senarai JPA.
- 4. BOLEHKAH SAYA MENUKAR KLUSTER ATAU SUB-BIDANG SEBELUM ATAU SEMASA PENGAJIAN?**  
Anda **TIDAK DIBENARKAN** untuk menukar kluster atau sub-bidang pengajian. Penentuan bidang adalah berdasarkan keperluan Ketua Perkhidmatan.
- 5. BOLEHKAH SAYA MEMBUAT TUNTUTAN PERMOHONAN UNIVERSITI PADA TAHUN BERIKUTNYA?**  
Tidak Boleh. Menurut dasar dan peraturan sedia ada yang sedang berkuatkuasa, semua tuntutan permohonan universiti mesti dilakukan pada **TAHUN SEMASA**.
- 6. BOLEHKAH SAYA MENANGGUH PENGAJIAN SEKIRANYA DIBERI PEMANGKUAN JAWATAN?**  
Anda akan dianggap sebagai menarik diri dan boleh dikenakan tindakan sekiranya menangguhkan pengajian untuk menerima pemangkuan jawatan.
- 7. BOLEHKAH SAYA MENERIMA TAWARAN PENGAJIAN JIKA PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN OLEH UNIVERSITI BERBEZA DARIPADA TAWARAN JPA?**  
Anda hendaklah memaklumkan secara rasmi perkara ini kepada pihak Bahagian Pembangunan Modal Insan (BMI), JPA beserta dokumen sokongan dan keputusan untuk menerima tawaran universiti berkenaan adalah tertakluk kepada kelulusan BMI.

8. BOLEHKAH SAYA MENERIMA TAWARAN PENGAJIAN JIKA BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN OLEH UNIVERSITI BERKENAAN ADALAH SAMA DENGAN BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DIMOHON TETAPI BERADA DI BAWAH FAKULTI/BIDANG BERBEZA?  
Anda hendaklah memaklumkan secara rasmi perkara ini kepada BMI, JPA dan sebarang keputusan adalah tertakluk kepada kelulusan BMI.
9. BOLEHKAH SAYA MENGGUNAKAN BORANG PEMERIKSAAN KESIHATAN SELAIN DARIPADA YANG DIKELUARKAN OLEH JPA?  
Anda adalah digalakkan untuk menggunakan borang pemeriksaan kesihatan yang telah dikeluarkan oleh JPA. Walau bagaimanapun, jika institusi pengajian menetapkan borang pemeriksaan kesihatan yang khusus, anda dibenarkan untuk menggunakan borang tersebut bagi menggantikan borang pemeriksaan kesihatan yang telah dikeluarkan oleh JPA.
10. BOLEHKAH SAYA MEMBUAT PEMERIKSAAN KESIHATAN DI PUSAT KESIHATAN/ HOSPITAL SWASTA?  
Boleh dengan syarat pusat kesihatan/ hospital berkenaan diiktiraf oleh Kerajaan.
11. BOLEHKAH SAYA MEMBUAT TUNTUTAN BAGI KOS PEMERIKSAAN KESIHATAN DARIPADA JPA?  
TIDAK BOLEH.
12. BOLEHKAH SAYA MEMBUAT TUNTUTAN PERJALANAN BAGI PERJALANAN PERGI DAN BALIK UNTUK TUJUAN PENDAFTARAN SAHAJA SEBELUM MEMULAKAN PENGAJIAN?  
TIDAK BOLEH. Tuntutan perjalanan hanya dibenarkan bagi tujuan memulakan pengajian (perjalanan SEHALA dari rumah ke tempat pengajian sebelum memulakan pengajian) dan tamat pengajian (perjalanan SEHALA dari tempat pengajian ke rumah/pejabat setelah tamat pengajian).
13. BOLEHKAH SAYA MEMBUAT TUNTUTAN BAYARAN DEPOSIT UNTUK MENGESAHKAN TEMPAT DI UNIVERSITI SEBELUM MEMULAKAN PENGAJIAN?  
TIDAK BOLEH. Anda hanya dibenarkan untuk membuat tuntutan bagi bayaran permohonan sahaja kepada maksimum tiga (3) buah universiti. Mohon rujuk perkara ini dengan BMI, JPA.
14. TEMPOH TAJAAN/ CUTI BELAJAR YANG DILULUSKAN OLEH JPA SEBAGAI PENAJA ADALAH LEBIH SINGKAT DARIPADA TEMPOH PENGAJIAN YANG DITAWARKAN OLEH UNIVERSITI. SEBAGAI PENAJA, BAGAIMANAKAH JPA MENENTUKAN TEMPOH TAJAAN/ CUTI BELAJAR YANG DILULUSKAN KEPADA SAYA?  
Penentuan tempoh tajaan/ cuti belajar oleh JPA adalah berasaskan kepada struktur pengajian serta *mode* pengajian yang akan diikuti oleh penerima tajaan HLP/ CBBPTB.

15. PENERIMA HLP DIKEHENDAKI MENGEMUKAKAN SALINAN PENYATA/*ONLINE STATEMENT* AKAUN CIMB BERSAMA-SAMA BORANG PENDAFTARAN DAN PENAMATAN PEMBEKAL SISTEM EVENDOR KEPADA PIHAK JPA. BOLEHKAH SAYA MENGEMUKAKAN AKAUN BANK SELAIN CIMB?

Tidak boleh. Pembayaran elaun kepada pegawai tajaan JPA adalah menggunakan akaun CIMB sahaja. Sehubungan itu, pegawai **DIWAJIBKAN MEMBUKA AKAUN CIMB**.

### **SEMASA PENGAJIAN**

1. APAKAH ASAS YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN UNTUK KELULUSAN PERMOHONAN PELANJUTAN PENGAJIAN DAN BILAKAH TEMPOH TERAKHIR UNTUK SAYA KEMUKAKAN PERMOHONAN PELANJUTAN PENGAJIAN?

Sebarang permohonan pelanjutan hanya akan dipertimbangkan jika melibatkan hal kesihatan dan perubahan struktur pengajian sahaja. Setiap permohonan mestilah dikemukakan selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat pengajian.

2. SEBAGAI PENAJA ADAKAH JPA AKAN MENAJA SAYA UNTUK MENGIKUTI SESI *FIELD TRIP* SEMASA DALAM PENGAJIAN?

Sebagai penaja, JPA **TIDAK MENAJA** sebarang sesi *field trip* selain daripada subjek pengajian yang terdapat di dalam yuran pengajian anda. Sebarang perbelanjaan adalah di bawah tanggungjawab pegawai.

3. ADAKAH SAYA PERLU MENGEMUKAKAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN KEPADA BMI, JPA?

**YA**, anda mesti mengemukakan keputusan peperiksaan setiap semester / laporan kemajuan kursus kepada BMI, JPA dengan memuat naik ke dalam Portal MySELF.

4. BOLEHKAH SAYA MENJALANKAN SEBARANG TUGAS RASMI ATAU AKTIVITI YANG DAPAT MENJANA PENDAPATAN SAMPINGAN SEMASA DALAM PENGAJIAN?

Anda **TIDAK DIBENARKAN** untuk menjalankan sebarang tugas rasmi atau aktiviti yang dapat menjana pendapatan sampingan semasa dalam pengajian.

5. BILAKAH SAYA PERLU MENGEMUKAKAN PELAN PENGAJIAN SAYA?

Anda perlu mengemukakan pelan pengajian 3 bulan dari tarikh mula kursus.

6. ADAKAH TUNTUTAN ELAUN PAKAIAN PANAS MEMERLUKAN RESIT PEMBELIAN SEBAGAI DOKUMEN SOKONGAN?

Tidak perlu. Tuntutan elaun pakaian panas adalah berdasarkan kelayakan semasa di dalam pekeliling yang berkuatkuasa.

7. ADAKAH SAYA BOLEH MENGGUNAKAN AGEN SENDIRI UNTUK MENGURUSKAN TEMPAHAN TIKET PENERBANGAN SAYA KERANA TELAH MENGENALI AGEN BERKENAAN BAGI MEMUDAHKAN URUSAN SAYA UNTUK KE LUAR NEGARA? DI SAMPING ITU, BOLEHKAH SAYA MENENTUKAN LALUAN PENERBANGAN SAYA SENDIRI?

Pegawai dibenarkan membeli sendiri tiket penerbangan daripada syarikat penerbangan atau agensi pelancongan yang menawarkan harga yang lebih rendah dan memberikan penjimatan berbanding menggunakan Waran Perjalanan Udara Awam. (Garis Panduan Langkah-langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan). Walau bagaimanapun, pegawai perlu mendapat kebenaran JPA terlebih dahulu bagi penentuan laluan penerbangan. Walau bagaimanapun, adalah dinasihatkan pegawai berhubung dengan BMI, JPA sebelum membeli sendiri tiket kapal terbang bagi melicinkan proses yang terlibat.

8. ADAKAH PENANGGUHAN PENGAJIAN DIBENARKAN?

TIDAK DIBENARKAN membuat sebarang penangguhan pengajian KECUALI bagi masalah kesihatan atau mengerjakan fardu haji (kali pertama).

9. BILAKAH SAYA AKAN MENERIMA ELAUN? BAGAIMANAKAH PROSES PEMBAYARAN ELAUN DILAKSANAKAN?

Anda akan menerima elaun selepas memulakan pengajian. Pembayaran elaun secara tahunan akan dibuat pada bulan Februari, Jun dan Oktober.

10. SIAPAKAH YANG AKAN MENGURUSKAN BAYARAN YURAN PENGAJIAN SAYA KEPADA UNIVERSITI? ADAKAH WUJUD KEPERLUAN UNTUK MAKLUMKAN KEPADA JPA BAGI SETIAP SEMESTER PENGAJIAN?

Pihak BMI, JPA bertanggungjawab ke atas urusan pembayaran yuran pengajian anda kepada universiti. Walau bagaimanapun, bagi pegawai yang melanjutkan pengajian di UiTM, anda perlu menguruskan pembayaran yuran pengajian sendiri kerana yuran pengajian akan dimasukkan ke dalam akaun anda.

11. BERAPAKAH JUMLAH JAM KREDIT MINIMUM YANG PERLU SAYA AMBIL SETIAP SEMESTER?

Jumlah jam kredit minimum yang perlu anda ambil bagi setiap semester ialah sebanyak 9 jam kredit.

12. ADAKAH SAYA DIBENARKAN UNTUK MEMBENTANGKAN KERTAS KERJA DI SEMINAR ATAU PERSIDANGAN PERINGKAT ANTARABANGSA?

Pihak JPA hanya akan menanggung pembentangan pengajian peringkat Ph.D SAHAJA. Tuntutan hanya dibenarkan SEKALI SAHAJA bagi sepanjang pengajian dan tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuatkuasa.

### SELEPAS PENGAJIAN

1. DI MANAKAH SAYA PERLU MELAPOR DIRI SETELAH TAMAT PENGAJIAN?

Anda perlu melapor diri di BMI, JPA.

2. **BILAKAH WAKTU TERAKHIR UNTUK SAYA MELAPOR DIRI?**  
Anda mesti melapor diri pada tarikh yang telah ditetapkan di dalam surat tawaran atau dengan segera jika berjaya menamatkan pengajian sebelum tarikh tersebut. Anda hendaklah melapor diri sebelum jam 12.00 tengah hari pada hari berkenaan.
3. **APAKAH KESAN JIKA SAYA MELAPOR DIRI LEBIH LEWAT DARI TARIKH YANG TELAH DITETAPKAN?**  
Kegagalan anda untuk melapor diri pada tarikh yang telah ditetapkan akan menyebabkan anda dianggap sebagai Tidak Hadir Tanpa Sebab bagi sepanjang ketidakhadiran tersebut dan boleh dikenakan tindakan.
4. **BILAKAH TEMPOH TERAKHIR UNTUK SAYA KEMUKA TUNTUTAN ELAUN TESIS? APAKAH YANG PERLU DIKEMUKAKAN UNTUK MEMBUAT TUNTUTAN BERKENAAN?**  
Tempoh terakhir untuk anda mengemukakan tuntutan elaun tesis adalah berdasarkan peringkat pengajian iaitu enam (6) tahun bagi peringkat Ph.D dan tiga (3) tahun bagi peringkat Sarjana dari tarikh mula tajaan. Anda perlu mengemukakan borang tuntutan elaun tesis seperti yang disediakan di dalam kit HLP beserta salinan transkrip akhir, tesis dalam bentuk *hardcopy* (jilid) dan *softcopy* (cakera padat) kepada BMI, JPA.
5. **BILAKAH ELAUN AKHIR PENGAJIAN DIBAYAR?**  
Pembayaran akan dibuat bersekali dengan Elaun Sara Hidup terakhir sebelum anda tamat pengajian.
6. **BAGAIMANA SEKIRANYA SAYA TAMAT PENGAJIAN LEBIH AWAL DARIPADA TEMPOH TAJAAN HLP / CUTI BELAJAR?**  
Bagi pegawai yang menamatkan pengajian lebih awal, pegawai perlu memaklumkan BMI, JPA dan melapor diri dengan **KADAR SEGERA** tanpa menunggu sehingga tamat tempoh cuti belajar yang telah diluluskan. Sekiranya gagal berbuat demikian, pegawai akan dikenakan tindakan.
7. **BOLEHKAH SAYA MENYIMPAN BAYARAN ELAUN TERLEBIH BAYAR?**  
**TIDAK BOLEH.** Sebarang bayaran elaun terlebih bayar akan dikira semula secara *proportionate* dan tuntutan semula akan dibuat segera.